

Info SEKOLAH CEMERLANG



Maktab Rendah Sains Mara (MRSM)

Paling Cemerlang

9595

H

Mohd Shukor Salleh

INFO SEKOLAH CEMERLANG

MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM) PALING CEMERLANG

Amma
Mohd Shukor Salleh
013 5287227

Terima Kasih Tun
Jasamu dikenang selalu.

© ELEGANT MIND PUBLICATION

PUSTAKA PERDANA



1013987



290986

© ELEGANT MIND PUBLICATION
Cetakan 2023

ELEGANT MIND PUBLICATION
No. Sykt: 202003167803 (003133510-U)
7-1, Jalan Tasik Selatan 8,
Bandar Tasik Selatan,
57000 Sungai Besi,
Kuala Lumpur.
Tel: 019-6216639

Semua hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau diubah suai dalam sebarang bentuk atau cara, sama ada secara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman atau sebaliknya tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Elegant Mind Publication.

Perpustakaan
Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-
dalam-Penerbitan

Mohd Shukor Salleh, 1968-
MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM) PALING
CEMERLANG / Mohd Shukor Salleh.
(INFO SEKOLAH CEMERLANG)
ISBN 978-967-2743-26-2 (set)
ISBN 978-967-2743-22-4
1. Schools--Malaysia.
2. Boarding schools--Malaysia.
I. Judul. II. Siri.
371.009595

Dicetak oleh: SS GRAPHIC PRINTERS (M) SDN. BHD. (252774-K)



KANDUNGAN

PENDAHULUAN

1 Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) 7

- Sejarah Penubuhan
- Mata Pelajaran
- Penukaran ke Kolej MARA
- Program Khas Pendidikan (PKP) MRSM
- Kekeliruan MRSM Bitara dan MRSM PKP
- Maksud Sebenarnya MRSM Bitara dan MRSM PKP (Program Khas Pendidikan)
- Sistem Pendidikan
- Sains Keusahawanan
- Pendidikan Biasa
- IGCSE
- Ulul Albab
- Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik
- MRSM Teknikal
- Kurikulum Asas
- MRSM IB MYP
- MRSM Sains Keusahawanan
- Kurikulum Keusahawanan
- Senarai MRSM
- Alumni MRSM Terkenal

2 MRSM Tun Ghafar Baba, Jasin, Melaka 25

- Sejarah Penubuhan
- Lagu Rasmi Maktab
- Misi dan Visi Maktab
- Objektif Maktab

3 MRSM Langkawi, Kedah 28

- Sejarah Penubuhan
- Kemudahan
- Guru Perintis MRSM
- Guru-guru Terkenal
- Kejayaan

4 MRSM Beseri, Kangar, Perlis 31

- Sejarah Penubuhan

5 MRSM Taiping, Perak 33

- Sejarah Penubuhan
- Program Khas Pendidikan (PKP)
- SENARAI Pentadbir MRSM Taiping
- Lagu Sekolah

6 MRSM Pengkalan Chepa, Kelantan 36

- Sejarah Penubuhan
- Perangkaan Pelajar
- Pencapaian
- Senarai Pelaksana MRSM Pengkalan Chepa

7 MRSM Balik Pulau, Pulau Pinang 38

- Latar Belakang
- Pengetua

8 MRSM Muar, Johor 40

- Visi dan Misi
- Objektif Operasi
- Lokasi
- Kemudahan
- Senarai Pengetua

9 MRSM Serting, Bahau, Negeri Sembilan 43

- Sejarah Pembukaan
- Senarai Pengetua
- Kemudahan Maktab
- Asrama
- Sukan
- Homeroom

10 MRSM Lenggong, Perak 47

- Sejarah Penubuhan

11 MRSM Transkrian, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang 49

- Sejarah Penubuhan
- Slogan
- Subjek Akademik
- Kurikulum KBSM
- Anugerah dan Pencapaian

12 MRSM Kuala Krai, Kelantan 53

- Sejarah Penubuhan
- Kemudahan

13 MRSM Besut, Terengganu 55

- Sejarah Penubuhan
- Kemudahan
- Guru
- Kejayaan dan Pencapaian

14 MRSM Merbok, Kedah 58

- Sejarah Penubuhan
- Misi dan Visi
- Warga Pentadbir

15 MRSM Kepala Batas, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang 61

- Sejarah dan Latar Belakang
- Falsafah Pendidikan MARA
- Falsafah Pendidikan MRSM
- Visi dan Misi
- Objektif
- Logo MRSM
- Piagam Pelanggan
- Sistem Pendidikan MRSM
- Program Perkembangan Sahsiah
- Program Pembangunan Bakat
- Program Ulul Albab
- Objektif
- Visi dan Misi

16 MRSM Pengkalan Hulu, Gerik, Perak 68

- Sejarah dan Latar Belakang
- Kelas Pembelajaran
- Sistem Homeroom

17 Maktab Rendah Sains MARA Kuala Klawang, Negeri Sembilan 70

- Sejarah dan Latar Belakang

18 **Maktab Rendah Sains MARA
Pasir Tumbuh,
Kota Bharu, Kelantan**

72

- Sejarah Penubuhan
- Visi dan Misi
- Objektif Operasi
- Hal Ehwal Akademik
- Jabatan Bahasa
- Jabatan Matematik
- Jabatan Sains
- Jabatan Sains Sosial
- Cawangan Perpustakaan
- Cawangan Sistem Maklumat
- Sistem Penilaian Pelajar
- Hal Ehwal Pelajar
- Hal Ehwal Kokurikulum
- Pengetua
- Kakitangan Akademik
- Kemudahan
- Kejayaan

19 **Maktab Rendah Sains MARA
Imtiaz YT Ketengah, Bandar Al-
Muktafi Billah Shah, Terengganu**

70

- Sejarah Penubuhan

PENDAHULUAN

Buku siri *INFO SEKOLAH CEMERLANG* ini diterbitkan bagi mengisi pengetahuan para pelajar agar dapat mengenalpasti sekolah-sekolah yang cemerlang yang terdapat di negara ini. Kedudukan kecemerlangan ini akan berubah setiap tahun bergantung kepada keputusan peperiksaan yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Keberkesanan sekolah atau sekolah cemerlang boleh diukur berasaskan output atau hasil persekolahan itu. Hasil ini berbentuk pencapaian dalam bidang akademik dan bukan akademik seperti kelakuan dan disiplin pelajar yang baik, sendiri dan sikap pelajar-pelajar yang baik, kepuasan kerja guru dan keadaan sekolah yang bersih dan ceria. Keberkesanan sekolah boleh diukur melalui proses iaitu proses pengurusan dan pentadbiran sekolah efektif, pewujudan iklim budaya sekolah yang positif untuk pengajaran-pembelajaran, hubungan yang mesra antara pihak pengurusan sekolah dengan guru, guru dengan guru dan guru dengan pelajar, dan guru dengan ibu bapa.

Keberkesanan sekolah juga boleh diukur bukan sahaja melalui kecemerlangan dalam pendidikan, tetapi dari aspek ekuiti (kesaksamaan) untuk mendapatkan pendidikan tanpa mengira kebolehan dari segi kognitif, fizikal pelajar, latar belakang taraf sosioekonomi (SES) ibu bapa pelajar, latar belakang agama, bangsa dan keturunan dan fahaman pelajar. Akhir sekali, keberkesanan sekolah boleh diukur dari segi kemajuan atau peningkatan dari segi kadar pencapaian akademik pelajar dari setahun ke setahun yang ditunjukkan melalui adanya nilai tambah (*value added*) kepada kebolehan pelajar.

Sekolah cemerlang atau sekolah berkesan mempunyai maksud yang sama. Di Amerika Syarikat dan di United Kingdom bagi sekolah cemerlang, ia menggunakan istilah sekolah berkesan (*effective school*), manakala di Malaysia menggunakan istilah sekolah cemerlang yang bermaksud sekolah yang dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar iaitu daripada pencapaian akademik yang rendah meningkat kepada pencapaian akademik yang tinggi. Menurut Hussein Mahmood (1993), sekolah cemerlang bukanlah sekolah yang established atau sekolah primer tetapi sekolah yang dapat menghasilkan pencapaian akademik yang tinggi, kurang menghadapi masalah disiplin dan mendapat kepercayaan dalam kalangan masyarakat dan guru-guru merasa puas hati bekerja.

Abdul Shukor Abdullah (1991) mengatakan bahawa sekolah cemerlang ialah sekolah yang mencapai tahap terbaik, bermutu dan terunggul dalam semua bidang berkaitan dengan akademik, sahsiah, pengurusan, perhubungan, infrastruktur dan kepimpinan. Menurut Sharifah Md. Nor (2000) pula, konsep sekolah cemerlang berkait dengan kecemerlangan akademik; walau bagaimanapun guru-guru perlu menentukan perkembangan seimbang pelajar dan kemampuan pentadbir membantu guru menjalankan tugasnya dengan baik. Bagi membantu pelajar pula, sekolah cemerlang ialah sekolah yang mempunyai guru-guru yang boleh mengajar dengan berkesan supaya pelajar mereka bijak, mempunyai sahsiah dan disiplin yang baik. Dalam situasi di USA, United Kingdom malah di Malaysia didapati tidak semua sekolah, sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah boleh dikategorikan sebagai sekolah berkesan.

MAKTAB Rendah Sains MARA atau MRSM merupakan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) yang dibina oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) hampir di setiap negeri di Malaysia. Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) telah ditubuhkan di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat Bil. 20 Tahun 1966 sebagai satu usaha untuk mencapai matlamat MARA dalam bidang latihan dan pendidikan. MARA merupakan badan berkanun yang mempunyai sistem kewangan yang tersendiri bagi membantu menjayakan pendidikan dan pembangunan usahawan dalam kalangan Bumiputera.

Bermula pada tahun 2020, nisbah pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera di MRSM ialah 96% Bumiputera dan 4% bukan Bumiputera. Walau bagaimanapun, hanya MRSM tertentu sahaja mempunyai pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera. MRSM PKP dan MRSM Ulul Albab hanya mempunyai pelajar Bumiputera sahaja.

Sejarah Penubuhan

Sebelum tertubuhnya institusi MRSM, golongan pelajar di Malaysia menikmati peluang menduduki asrama menerusi Sekolah Berasrama Penuh (SBP) yang dikelolakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada ketika itu. Menerusi SBP, pelajar akan menduduki peperiksaan SRP (kini dikenali sebagai PMR dan diambilalih oleh PT3) dan juga SPM. Cadangan untuk menubuhkan institusi MRSM mula tercetus sejak tahun 1968. Cadangan ini timbul berikutan kekurangan golongan Bumiputera dalam bidang sains dan teknologi.

MARA mula memperkenalkan MRSM menerusi penubuhan MRSM yang pertama pada tahun 1972 yang dikenali sebagai MRSM Seremban. MRSM Seremban dirasmikan oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pada ketika itu, Tuanku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman. Manakala, MRSM Jasin (kini dikenali sebagai MRSM Tun Ghafar Baba) dibuka pada tahun 1981.

Objektif pengenalan MRSM ini adalah untuk menambah bilangan Bumiputera profesional yang mampu berdaya saing dalam bidang sains dan teknologi dan dikhususkan kepada golongan kurang berkemampuan dan luar bandar. Seramai 150 orang pelajar yang merupakan kumpulan perintis mendaftar masuk ke MRSM Seremban. Pada tahun 1974 pula, peperiksaan SRP diadakan dan ini merupakan peperiksaan utama pertama kali diadakan di MRSM. Pada awal penubuhan MRSM, Lembaga Peperiksaan meletakkan institusi MRSM sebagai sekolah persendirian kerana berpendapat MRSM beroperasi secara berasingan daripada sistem pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Pada tahun 1973, MARA membina MRSM kedua, iaitu MRSM Kota Bharu

yang terletak di negeri Kelantan Darul Naim. Seramai 149 orang pelajar dan 20 orang kakitangan merupakan kumpulan perintis yang mendaftar masuk. Manakala, MRSM Kuantan merupakan MRSM ketiga yang telah dibina dan dirasmikan pada tahun 1974. Kumpulan pelajar perintis di MRSM Kuantan ini mula menduduki peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan Lower Certificate Education (LCE) buat pertama kali pada tahun 1976, dan kumpulan ini berjaya mencatatkan kelulusan penuh 100%.

Mata Pelajaran

Sebelum pengenalan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), MARA menggunakan sukatan pelajaran yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Tingkatan 1-3	Tingkatan 4-5
Bahasa Melayu	Bahasa Melayu
Bahasa Inggeris	Bahasa Inggeris
Ilmu Alam	Ilmu Alam
Hisab Moden	Hisab Moden
Sains Panduan	Sains Panduan
Kreativiti	Fizik
Muzik	Kimia
Pendidikan Jasmani	Kaji Hayat
Sivik	Perdagangan
	Pendidikan Jasmani
	Sivik

Penukaran ke Kolej MARA

MRSM terawal, iaitu MRSM Seremban, MRSM Banting dan MRSM Kulim merupakan MRSM yang dinaik taraf kepada Kolej MARA. Penaiktarafan ini berlaku kerana pertambahan bilangan MRSM dari semasa ke semasa. Contohnya MRSM Kota Bharu yang kemudian ditukar nama kepada MRSM Pengkalan Chepa yang dibuka pada tahun 1973, MRSM Kuantan pada tahun 1974, MRSM Kuala Terengganu telah dibuka pada tahun 1978 dan MRSM Muar telah dibuka pada tahun 1980.

MRSM yang pertama, iaitu MRSM Seremban mula menerima pelajar baharu bermula pada tahun 1972 sehingga tahun 1985 dan kemudian dinaik taraf kepada Kolej MARA Seremban pada tahun 1991. MRSM Kulim merupakan MRSM keempat dibina pada tahun 1977 dan mengambil seramai 149 orang

pelajar tingkatan 1 sebagai kumpulan perintis. Pada tahun 1994, MRSM Kulim dinaik taraf dan ditukar nama kepada Kolej MARA Kulim yang kini menjalankan program matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia, Program Persediaan Keusahawanan Sains Universiti Malaysia Kelantan dan program asasi UniKL. Manakala, MRSM Banting mula dibuka pada tahun 1992 dan dinaik taraf kepada Kolej MARA Banting pada tahun 1994 yang kini menawarkan program International Baccalaureate.

Program Khas Pendidikan MRSM (PKP)

Program Khas Pendidikan (PKP) merupakan program yang disediakan oleh MRSM Bitara yang telah diiktiraf menghasilkan pelajar yang cemerlang melalui peperiksaan awam dan penglibatan aktif dalam kokurikulum di samping merupakan antara maktab terawal. MRSM Bitara dianggap sebagai maktab paling unggul dalam kalangan sekolah di Malaysia, walaupun maktab lain masih berpeluang menyainginya.

Kebanyakan pelajar yang dipilih untuk kemasukan ke MRSM Bitara biasanya merupakan pelajar yang memperoleh 8A atau 9A dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan 5A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) di samping mendapat keputusan yang cemerlang dalam Ujian Kecenderungan Kemasukan Ke MRSM (UKKM) dan aktif dalam bidang kokurikulum. Bagi pelajar yang mengambil PT3, kelayakan minimum ke MRSM PKP ialah 6A 4B. Selain itu, terdapat faktor-faktor lain yang menentukan ciri-ciri pengambilan pelajar ke sesebuah MRSM Bitara seperti taraf hidup, penduduk luar bandar, dan anak kakitangan MARA.

MRSM PKP yang pertama ialah MRSM Kulim. Ia melibatkan pengambilan pelajar Tingkatan 4 sesi pengajian 1988/1989. MRSM Kulim menamatkan PKP pada tahun 1991 dan ia dipindahkan ke MRSM Taiping pada tahun 1991. Ini diikuti oleh MRSM Pengkalan Chepa pada tahun 1995, MRSM Tun Ghafar Baba pada tahun 1996, MRSM Tun Dr. Ismail (2010), MRSM Langkawi (2010) dan MRSM Kuantan(2010).

MRSM Langkawi pernah menjadi MRSM PKP pada tahun 2001, ditarik balik status PKP pada tahun 2007 sebelum diberikan semula status PKP pada tahun 2010. MRSM Bitara yang terlibat dalam PKP ialah MRSM Pengkalan Chepa, MRSM Tun Ghaffar Baba, dan MRSM Taiping. Senarai MRSM PKP adalah seperti berikut:

Bil	MRSM
1	MRSM Taiping
2	MRSM Pengkalan Chepa
3	MRSM Tun Ghafar Baba

Maktab Rendah Sains Mara (MRSM)

Paling Cemerlang

Dunia pendidikan kini semakin mencabar. Justeru, banyak sekolah bestari di negara kita telah ditubuhkan dengan hasrat untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik dan sahsiah. Bagi menyokong hasrat murni ini, siri INFO SEKOLAH CEMERLANG ini telah diterbitkan untuk bacaan para pelajar, ibu bapa dan warga pendidik. Siri ini memaparkan empat buah judul yang mengetengahkan sekolah-sekolah cemerlang dan terbaik di Malaysia. Pelbagai info dan grafik info yang menarik, senarai alumni yang berjaya dan terkenal serta foto yang eksklusif telah dimuatkan dalam buku-buku ini. Ini bagi memberi motivasi kepada pelajar muda untuk mencontohi kejayaan alumni yang cemerlang dalam bidang akademik dan dunia kerjaya kini. Semoga buku-buku ini menjadi koleksi wajib pelajar pada masa senggang mereka.

Buku-buku dalam siri ini ialah:

- **Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Paling Cemerlang**
- Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) Paling Cemerlang
- Sekolah Berasrama Penuh Premier Paling Cemerlang
- Sekolah Bestari Paling Cemerlang

ELEGANT MIND PUBLICATION

No. Sykt: 003133510-U

7-1, Jalan Tasik Selatan 8,

Bandar Tasik Selatan,

57000 Sungai Besi, Kuala Lumpur.

Tel: 019-6216639

ISBN 978-967-2743-26-2 (set)

ISBN 978-967-2743-22-4



9

789672

743224

